



**ZULFAQAR Journal of  
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/about>



**PENYELUDUPAN DADAH DARI KAWASAN SEGI TIGA EMAS THAILAND SERTA KESAN TERHADAP KESELAMATAN EKONOMI MALAYSIA  
DRUG SMUGGLING FROM THAILAND'S GOLDEN TRIANGLE AND ITS IMPACT ON MALAYSIA'S ECONOMIC SECURITY**

**Amer Fawwaz Mohamad Yasid<sup>a\*</sup>**

<sup>a</sup> Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, UPNM

\*Corresponding author: [amerfawwaz@upnm.edu.my](mailto:amerfawwaz@upnm.edu.my)

**ARTICLE INFO**

**Article history:**

Received

14-09-2021

Received in revised

24-11-2021

Accepted

01-04-2022

Available online

30-06-2022

**Keywords:**

Drugs, Drug  
Trafficking, Economy  
Security, Golden  
Triangle, Cold War

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

**ABSTRACT**

*Kegiatan penyeludupan dadah merupakan jenayah popular kerana berupaya untuk menjana pendapatan kewangan lumayan kepada sindiket penyeludupan dadah sama ada diperingkat antarabangsa mahupun tempatan. Kemasukan dadah ke Tanah Melayu bermula sejak awal kurun ke-18 oleh imigran Cina. Walaubagaimanapun, kemasukan dadah dari luar negara secara haram semakin kritikal selepas tamat Perang Dunia Kedua menyebabkan Kerajaan British mengharamkan penggunaan dadah di Tanah Melayu secara menyeluruh pada tahun 1952. Kewujudan kawasan Segi Tiga Emas Thailand awal tahun 1960-an sebagai kawasan pengeluaran utama heroin dunia telah menjadikan Malaysia terdedah kepada kegiatan penyeludupan dadah dari luar negara. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti bagaimana kemasukan dadah ke dalam negara hingga mewujudkan ancaman terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer telah diperolehi daripada proses temubual bersama informan manakala sumber sekunder diperolehi daripada buku ilmiah, artikel jurnal serta tesis akademik. Konsep Keselamatan Ekonomi telah digunakan bagi menerangkan fenomena yang dikaji. Dapatan kajian telah menerangkan kesan yang terhasil daripada kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia.*

*Drug trafficking is a widespread crime as it is a lucrative business among organisations at the local or international level. The introduction of Opium in Malay Peninsular during the eighteenth century by the Chinese immigrants was the beginning of drug abuse problems in the region. Nevertheless, the illegal drug smuggling activities were actively occurring by the end of World War Two, making the British Government in Malaya ban the public usage of drugs by implementing the Drug Ordinance in 1952. In the Golden Triangle region located in the mountainous areas of Thailand, Myanmar, and Laos in the early 1960s increased trafficking activities in Malaysia hence becoming a real threat to Malaysia's national security. This research aims to identify the entry of drugs from abroad and determine how much activity threatens national security. This qualitative research utilised primary and secondary data from interviews with informants and data retrieved from books, article journals and academic thesis. The Economic Security Concept has been used in elaborating the research phenomena. The research findings have further explained the impact of drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle on Malaysia's economic security.*

© Amer Fawwaz Mohamad Yasid 2022. All rights reserved.

DOI: <https://doi.org/10.58247/jdmssh-2022-0501-04>

## Pengenalan

Sejak tamat Perang Dingin, terdapat peningkatan ancaman keselamatan yang melibatkan keselamatan nasional dan keselamatan bukan tradisional; wujud menyeberangi sempadan negara seperti aktiviti penyeludupan dadah (Cornell, 2007). Masalah ini wujud kerana terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pengedar dadah dan penghisapnya (Wan Azmi Ramli, 1986). Keadaan ini menyebabkan berlakunya kemasukan dadah secara haram dari luar negara lantas mewujudkan ancaman keselamatan terhadap negara-negara dunia seperti Malaysia. Menurut Scorzelli (1987) terdapat dua kawasan utama pengeluaran dadah di dunia iaitu kawasan Bulat Sabit Emas (*Golden Crescent*) yang terletak dalam jajaran negara Pakistan, Afghanistan dan Iran. Serta kawasan Segi Tiga Emas (*Golden Triangle*) yang terletak di kawasan Myanmar, Thailand dan Laos. Kawasan Segi Tiga Emas merupakan kawasan popular dalam aktiviti penghasilan dadah (Chalk, 2000). Malah dadah yang dihasilkan disini adalah secara besar-besaran (Chouvy, 2013). Kawasan Segi Tiga Emas Thailand merupakan sebuah kawasan yang terletak di banjaran pergunungan melibatkan tiga buah negara iaitu Myanmar, Laos, dan Thailand. Dengan mempunyai keluasan 150,000 batu persegi, kawasan Segi Tiga Emas sangat popular sebagai kawasan penanaman pokok popi yang dijadikan bahan utama dalam penghasilan heroin (Chin dan Zhang, 2015).

Panggilan nama kawasan Segi Tiga Emas telah diilhamkan oleh Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Marshall Green pada sidang akhbar bertarikh 12 Julai 1971 dengan merujuk kepada kawasan segi tiga penanaman pokok popi serta pengeluaran heroin di Burma (Myanmar), Laos, Yunnan (China) dan Thailand (Chouvy, 2010). Ketika awal tahun 1960-an sehingga akhir tahun 1970-an kawasan ini menjadi tumpuan pelbagai sindiket penyeludupan dadah antarabangsa kerana pada ketika itu Segi Tiga Emas merupakan kawasan pengeluaran utama candu dunia. Menurut Sen (1991) kawasan penanaman utama pokok popi di Segi Tiga Emas Thailand berpusat di wilayah Chiang Mai, Chiang Rai, Mae Hong Son dan Nan. Sebanyak dua pertiga bekalan candu dunia telah di hasilkan dari kawasan tersebut kerana faktor iklim, bentuk muka bumi dan tanah subur yang sesuai untuk menanam pokok popi (Wiant, 1985). Di Malaysia aktiviti penyeludupan dadah berlaku dengan kemasukan dadah dari negara Thailand melalui kawasan sempadan utara dan timur laut Semenanjung Malaysia (Wan Azmi Ramli, 1986). Terdapat maklumat perisikan yang menyatakan bahawa bekalan dadah yang datangnya dari negara Thailand dibawa masuk ke dalam Malaysia sebelum dieksport ke pasaran antarabangsa, disebabkan kedudukan geografi negara Malaysia yang berhampiran dengan kawasan Segi Tiga Emas Thailand. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji aktiviti penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand serta kesan terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia.

**Jadual 1.0: Bilangan kes penyalahgunaan dadah di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bagi tahun 2016-2020**

Negeri/Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah Keseluruhan Kes Mengikut Negeri
Perlis	692	654	502	316	281	2445
Kedah	3862	2655	2693	3582	2372	15164
Perak	2639	1557	1820	2046	1821	9883
Kelantan	3233	3700	4155	2998	2271	16357
<b>JUMLAH KESELURUHAN KES</b>						<b>43849</b>

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2021)

Jadual 1.0 menunjukkan bilangan kes penyalahgunaan dadah di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bagi tahun 2016-2020. Negeri Kelantan menunjukkan jumlah bilangan keseluruhan kes yang tertinggi sepanjang tempoh lima tahun sebanyak 16357 diikuti dengan negeri Kedah sebanyak 15164 kes, Perak dengan 9883 kes dan Perlis dengan jumlah terendah sebanyak 2445 kes. Daripada jumlah kes yang ditunjukkan, bilangan kes melibatkan penyalahgunaan dadah negeri Kelantan dan Kedah yang tinggi adalah petanda menunjukkan terdapatnya kemasukan dadah ke Malaysia yang dijalankan oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand kerana kedudukan geografi kedua-dua buah negeri tersebut terletak

berdekatan dengan kawasan sempadan. Situasi ini memberikan petunjuk berlakunya kemasukan dadah secara berleluasa dari negara Thailand.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mempraktikkan pengumpulan data penyelidikan menggunakan pelbagai jenis sumber. Menurut Pierce (2008) kaedah kualitatif mempunyai kelebihan dan kekuatan dari aspek penerangan kepada permasalahan secara teliti dan mendalam. Dikukuhkan melalui rujukan pelbagai sumber kajian seperti temubual dan pemantauan; penyelidik perlu turun ke lapangan untuk mendapatkan data secara langsung (Flick, 2006). Namun Barbour (2008) menjelaskan, kaedah kualitatif mempunyai kelemahan kerana tidak boleh diguna pakai untuk mendapatkan jawapan kepada sesebuah persoalan bersifat bilangan (*numerical*) ataupun persoalan melibatkan punca kepada sesuatu masalah. Kajian ini telah menggunakan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi daripada kaedah temubual.

Sesi temubual bersama informan dilaksanakan secara bersemuka dan tidak bersemuka. Kaedah bersemuka memiliki kelebihan iaitu membenarkan penyelidik mempelajari dan merasai pengalaman informan melalui penceritaan sewaktu proses temubual dijalankan; perasaan (sedih, marah, gembira), perbuatan, insiden serta mendapat pengetahuan baharu yang mungkin tidak boleh didapati melalui pembacaan (Muthiah, 2008). Tetapi, kaedah ini mempunyai kelemahan kerana memerlukan masa dan kos untuk menjalankan sesi. Juga kesesuaian pemilihan informan yang tepat dengan bidang tumpuan. Manakala kaedah tidak bersemuka dijalankan kepada informan yang mempunyai kekangan masa atau lokasi berjauhan menggunakan mel elektronik atau video konferens secara dalam talian. Informan yang ditemubual terdiri daripada informan primer dan sekunder.

Informan primer; terlibat secara langsung dalam bidang penguatkuasaan dan pencegahan dadah serta orang tempatan di kawasan kajian. Merupakan anggota operatif lapangan dalam operasi pembanterasannya penyeludupan dadah daripada pasukan tentera, polis, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (JSJN PDRM), Rejimen Sempadan, Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) Pejabat Koordinasi Sempadan Malaysia-Thailand (*Malaysia-Thailand Coordination Border Office-MTCBO*), Tentera Darat Diraja Thailand, Lembaga Pencegahan Narkotik Thailand serta Pasukan Polis Sempadan Thailand. Informan sekunder; ahli akademik/pakar dalam kajian dadah dan hubungan antarabangsa dari Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Institut Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah ASEAN Universiti Sains Islam Malaysia serta Jabatan Hubungan Antarabangsa dan Strategi Universiti Malaya. Faktor pemilihan informan berdasarkan keterlibatan secara langsung dalam fenomena kajian serta memiliki kepakaran dan pengalaman ketika menjalankan kajian terhadap pencegahan penyeludupan dadah ke Malaysia.

Beberapa set soalan telah disediakan berdasarkan kepada persoalan kajian. Set soalan diberikan kepada informan terlebih dahulu sebelum proses temubual dijalankan. Menurut Flick (2006:210) kaedah ini memberikan masa kepada informan untuk mengkaji soalan yang bakal ditanyakan. Barriball dan While (1994:330-331) menyatakan penggunaan kaedah temubual separa struktur dapat memberikan kelebihan kepada penyelidik kerana ketika temubual dijalankan penyelidik berpeluang untuk bertanyakan soalan lain berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh informan. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap dapatan kajian, soalan temubual telah disahkan oleh pakar bidang. Alat perakam audio mudah alih digunakan bagi setiap sesi temubual secara bersemuka bersama informan. Sebelum proses temubual dijalankan penyelidik telah meminta kebenaran daripada informan untuk menjalankan rakaman audio temubual.

### Jadual 2.0: Senarai nama dan maklumat informan yang ditemubual

Bil	Nama	Jawatan	Pengalaman	Tempat temubual	Jenis temubual	Alamat/Email	Tarikh
1.	Tuan Mohd Ridzzuan bin Mohd Zain	Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Kementerian Dalam Negeri	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54	Ibupejabat AKSEM	Temubual Bersemuka	Ibupejabat AKSEM Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri Putrajaya	28.10.2020
2.	Leftenan Joy Bey Siau Fang	Pegawai Staf 3 Risik Markas 30 Briged	Pegawai Kor Risik Diraja	Bilik Mesyuarat Markas 30 Briged	Temubual Bersemuka	Markas 30 Briged Infantri Malaysia, Kem Bukit Cowder MataAyer Perlis	14.12.2020
3.	Koperal Mohamad Safwan bin Sharif	Koperal Unit Risikan dan Operasi AKSEM Perlis	Anggota PDRM	Pejabat Komander Kawasan	Temubual Bersemuka	Pejabat AKSEM Kuala Perlis Perlis.	15.12.2020
4.	Timbalan Pesuruhjaya Polis Tuan Zainudin bin Ahmad	Timbalan Pengarah Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman	Timbalan Pengarah Cawangan Khas PDRM	Pejabat Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) JSJN Bukit Aman	Temubual Bersemuka	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibupejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman Kuala Lumpur	6.1.2021
5.	Penguasa Polis Zahari bin Abu Samah	Penolong Pengarah Narkotik Teknikal/ Analisis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman	Pegawai Narkotik PDRM	Pejabat Timbalan Pengarah Risikan/ Operasi JSJN Bukit Aman	Temubual Bersemuka	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibupejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman Kuala Lumpur	6.1.2021
6.	Leftenan Kolonel Sukrit Kanchanaklod	Timbalan Pegawai Memerintah Rejimen Pasukan Khas Renjer ke-49 Pasukan Petugas Khas Wilayah Narathiwat, Pemerintahan Operasi Keselamatan Dalam Negeri Keempat, Tentera Darat Diraja Thailand	Pegawai Operasi Pasukan Khas Tentera Darat Diraja Thailand	Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia, Putarajaya	Temubual Bersemuka	Perpustakaan Maktab Turus Angkatan Tentera	8.5.2021

Sumber: Diolah oleh penyelidik

Antara sumber sekunder yang digunakan: buku, artikel jurnal, tesis akademik, surat khabar, majalah, monograf serta dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber bercetak dan juga sumber tidak bercetak. Pengumpulan data sekunder bercetak dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan. Sinn dan Soares (2014) menyatakan kaedah kajian kepustakaan dapat membantu penyelidik menambahkan maklumat yang diperlukan dalam kajian seperti buku-buku ilmiah, tesis akademik, monograf dan peta lama. Kaedah ini tidak memerlukan kos tinggi kerana bahan yang dianalisis mudah diperolehi seperti surat khabar, dokumen rasmi kerajaan, rekod awam serta rekod-rekod penulisan rasmi yang wujud di perpustakaan atau arkib (Berg, 2004). Bahan rujukan diperolehi dari Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim Ismail Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia serta Perpustakaan Pusat Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah ASEAN (ACREDA) Universiti Sains Islam Malaysia.

Selain itu beberapa dokumen rasmi diperolehi dari Arkib Negara Malaysia. Dokumen-dokumen tersebut berkaitan keselamatan negara, sejarah aktiviti penyeludupan dadah ke Malaysia serta dokumen berkaitan sistem pengawalan sempadan negara oleh agensi pengawal keselamatan sempadan yang terdahulu. Bryman (2008) menegaskan penggunaan dokumen rasmi kerajaan amat signifikan dalam sesebuah kajian kerana kemampuan dokumen tersebut dapat menyediakan pelbagai maklumat. Rujukan sekunder bahan tidak bercetak seperti buku elektronik (*E-book*) dan artikel jurnal dirujuk dengan melayari laman pengendali web seperti *SCOPUS*, *JSTOR*, *Emerald*, *Taylor and Francis* serta *Routledge*. Antara jurnal yang dirujuk adalah *Journal of Psychoactive Drugs*, *Journal of Social Science and Humanities*, *Journal of Strategic Studies*, *Defence and Security*, *The Police Journal: Theory, Practice and Principles*, *Journal of Food and Drug Analysis*, *Drug and Alcohol Review*, *Studies in Conflict and Terrorism*, *Journal of International Relations and Strategic University of Malaya*, *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, *Journal of International Studies* Universiti Utara Malaysia, *Jurnal Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Jurnal Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* Universiti Kebangsaan Malaysia. Terdapat juga tesis akademik yang dirujuk melalui sistem pelayaran digital *e-theses online service (EThOS)* yang disediakan oleh Perpustakaan British, United Kingdom.

## Latar Belakang Aktiviti Penyeludupan Dan Pengeluaran Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand



Rajah 1.0: Kedudukan kawasan Segi Tiga Emas  
Sumber: Diolah oleh penyelidik

Menurut pandangan beberapa ahli penyelidik dan akademik terkemuka dalam bidang penyelidikan kawasan Segi Tiga Emas seperti Spencer dan Navaratnam (1981), Mc Coy (1991), Gibson dan Wenhua (2011) serta Chouvy (2013) menyatakan kawasan Segi Tiga Emas telah wujud sejak awal tahun 1950-an lagi. Kawasan Segi Tiga Emas Thailand diduduki oleh Tentera Nasionalis Kuomintang yang telah dihalau keluar dari China setelah dikalahkan oleh Parti Komunis China pada tahun 1949 (Mc Coy, 1991). Disebabkan tentera Kuomintang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan Amerika Syarikat sejak dari Perang Dunia Kedua maka Kuomintang telah meminta bantuan Amerika Syarikat untuk memberikan perlindungan keselamatan, bantuan ketenteraan serta bantuan kewangan kepada mereka (Cox, 1996). Kerajaan Amerika Syarikat telah membantu Tentera Kuomintang di Thailand sebagai langkah pro-aktif bagi membendung pemberontakan Komunis yang berlaku di kawasan Indo-china pada ketika itu (Wiant, 1985). Amerika Syarikat mempunyai kepentingan strategik bagi membendung kemaraan Tentera

Pembebasan Vietnam Utara yang berhasrat menjadikan kawasan Asia Tenggara sebagai kubu kuat komunis (Cox,1996). Oleh yang demikian Amerika Syarikat telah menempatkan stesen perisikan Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat (CIA) di Bangkok, Thailand. Menurut McCoy (1991) selepas berundur dari China, Tentera Kuomintang telah menetap di Hmong Sat, Myanmar bagi melaksanakan operasi melawan insurgensi komunis di kawasan Tanah Tinggi Yunnan.

Pada tahun 1960, pihak Kementerian Dalam Negeri Thailand telah membangunkan perkampungan yang diduduki mereka dengan projek pembangunan dan infrastruktur kemudahan asas seperti sekolah serta memberi bantuan alat pertanian (Gibson dan Wenhua, 2011). Sebelum kedatangan Tentera Kuomintang, kawasan utara pergunungan Thailand telah menjadi pusat penanaman pokok popi serta perdagangan candu di antara negara Myanmar, Thailand dan Laos di sekitar Chiang Rai dan Chiang Mai (Derks, 2012). Keadaan mula berubah apabila Tentera Kuomintang memerlukan sumber kewangan bagi menjalankan operasi melawan komunis lantas menjadikan perusahaan menanam pokok popi serta perdagangan candu dan heroin sebagai sumber pendapatan (Sabhasri, 1978). Kerajaan Thailand akur kerana tidak dapat menghalang penduduk tempatan menjadikan penanaman pokok popi sebagai sumber rezeki (Wiant, 1985).

Kerajaan Thailand secara besar-besaran telah mengambil langkah menghentikan penanaman pokok popi oleh masyarakat tempatan dengan memperkenalkan projek penanaman pokok kopi dan teh secara besar-besaran. Menurut Sabhasri (1978) sejak dari tahun 1959, Kerajaan Thailand telah melancarkan program pertanian bersepadu bagi memberikan pilihan kepada kaum bukit yang mendiami kawasan utara Thailand untuk menjalankan program tanaman makanan bagi menggantikan tanaman pokok popi yang diperlukan untuk menghasilkan heroin. Walaubagaimanapun usaha yang dilaksanakan kurang mendapat sambutan dari penduduk tempatan kerana faktor keuntungan yang dijana daripada penanaman pokok popi adalah berkali ganda besarnya berbanding hasil penjualan kopi dan teh (Lyttleton,2004). Pada tahun 1960 kawasan Segi Tiga Emas Thailand telah menjadi pengeluar utama heroin dunia (Litner,2000). Terdapat dua orang individu penting yang mengawal operasi pengeluaran candu dan heroin di kawasan Segi Tiga Emas Thailand iaitu Jeneral Li Wen-huan dan Jeneral Tuan Hsi-wen yang mempunyai hubungan rapat dengan Kerajaan Taiwan dan CIA. (Gibson dan Wenhua, 2011).

Pada tahun 1968 Kerajaan Thailand merasakan Kuomintang perlu meninggalkan Thailand kerana kehadiran pihak asing menunjukkan seolah-olah kawasan Segi Tiga Emas Thailand telah dimonopoli oleh warganegara Taiwan. Rundingan diantara pemimpin Kuomintang dengan Kerajaan Thailand telah dilakukan hingga awal tahun 1970-an (Chouvy, 2010). Beberapa siri rundingan dengan kerajaan Thailand telah diadakan melibatkan ketiga-tiga pemimpin kanan Kuomintang yang berada di Thailand iaitu Jeneral Tuan Hsi Wen, Jeneral Li Wen Huan dan Ma Chun Kuo pada 28-29 April 1972 (Gibson dan Wenhua, 2011). Kerajaan Thailand akhirnya memberikan kebenaran untuk Kuomintang terus menetap di Thailand diberikan kerakyatan dan mendapat bantuan perumahan serta pertanian dengan syarat mereka haruslah menghentikan kegiatan penanaman pokok popi dan aktiviti penyeludupan dadah (Litner, 2000). Pada ketika ini kawasan Segi Tiga Emas Thailand tidak lagi mengeluarkan bekalan dadah secara besar-besaran seperti era 1970-an. Walaubagaimanapun, Kanchanaklod (2021) menyatakan kawasan Segi Tiga Emas Thailand merupakan kawasan hab transit penyeludupan dadah yang utama di Thailand kerana sejumlah besar bekalan dadah masih lagi di hasilkan di kawasan Tanah Tinggi Shan, Myanmar yang bersempadan dengan Chiang Mai dan Chiang Rai.

### **Kegiatan Penyeludupan Dan Kemasukan Dadah Di Malaysia**

Penulisan dan kajian yang melibatkan aktiviti penyeludupan dadah di Malaysia masih lagi sedikit dan tidak difokuskan secara khusus oleh ahli akademik serta penyelidik. Kebanyakan daripada penulis lebih menumpukan penulisan dan kajian berkaitan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja dan masyarakat serta kaedah rawatan serta pemulihan yang digunakan bagi memulihkan penagih dadah. Kajian melibatkan aktiviti penyeludupan dadah dari luar negara khususnya penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand masih lagi tidak difokuskan secara meluas oleh penyelidik di Malaysia. Andaya (1975) berpendapat pihak Belanda telah membawa masuk candu pada tahun 1687 sebagai bahan untuk diperdagangkan ke Riau dan Kerajaan Johor Lama. Kemasukan candu di Tanah Melayu secara besar-besaran oleh imigran China bermula pada awal abad kurun ke-18 bagi memenuhi tuntutan tenaga kerja dalam sektor perlombongan bijih timah serta penanaman gambir (Lim, 1974). Pada awalnya penduduk di negara-negara Asia Tenggara tidak mengetahui kewujudan budaya menghisap candu sehinggalah budaya tersebut diperkenalkan oleh imigran-imigran berbangsa Cina yang menetap di Tanah Melayu (Sarina, 2012). Imigran Cina telah menghisap candu yang dibawa dari China bagi mengurangkan tekanan perasaan

dan keletihan bekerja berat di lombong bijih timah kepunyaan British (Abdul Rani Kamarudin,2007). Budaya menghisap candu dianggap sebagai budaya yang tidak menimbulkan sebarang masalah sosial di Tanah Melayu pada ketika itu. Hal ini menyebabkan British memperkenalkan cukai penjualan candu melalui penubuhan Tabung Simpanan Hasil Penjualan Candu yang diwujudkan pada tahun 1932 (Marimuthu dan Nair, 2020).

Kerajaan British melihat perniagaan candu sebagai sebuah perniagaan yang menguntungkan serta mampu dijadikan sumber kewangan berterusan (Derks,2012). Candu telah dihisap oleh majoriti masyarakat setempat di Tanah Melayu dan Singapura sejak awal tahun 1905 (Treggonning, 1967). Pada masa yang sama, British telah menggalakkan peladang Cina untuk membuka ladang penanaman pokok popi dan membuka rumah menghisap candu yang dijadikan sebagai pusat tumpuan utama bagi mengutip cukai jualan candu (Treggonning, 1964). Masyarakat di Tanah Melayu mempunyai akses mudah untuk mendapatkan bekalan candu yang dijual secara terbuka di rumah menghisap candu. Bekalan candu telah diimport oleh British dari India kerana negara tersebut merupakan pengeluar candu utama dunia pada ketika itu (Derks, 2012). Setelah diperkenalkan, candu tidak hanya dihisap oleh kaum Melayu dan India tetapi menurut Schebesta (1973), masyarakat Orang Asli dari kaum *Semang* juga mengamalkan amalan menghisap candu.

Pada tahun 1930 Liga Suruhanjaya Negara-Negara (*League of Nations Comissions: LONC*) telah menerbitkan sebuah laporan pelaksanaan pengharaman penggunaan candu sebagai dadah rekreasi (Buxton, 2006). Pengharaman ini dibuat kerana LONC melihat kesan penggunaan candu mendatangkan lebih banyak kemudaratan berbanding kebaikannya kerana penghisapnya menjadi pemalas, ketagihan yang kronik, khayal, pengotor, kehidupan tidak teratur, melemahkan pemikiran dan mewujudkan masalah kesihatan kepada pengguna dalam jangka masa panjang (Spencer dan Navaratnam,1981). Kerajaan British telah mengharamkan penggunaan dadah secara menyeluruh pada tahun 1952 melalui penubuhan Ordinan Dadah Merbahaya 1952 (Buhrich dan Haq, 1980). Sekitar akhir tahun 1960-an telah berlaku pertambahan bilangan kemasukan dadah ke Malaysia apabila gejala penagihan dadah tidak terbatas dalam kalangan penduduk bandar besar malah turut tersebar keseluruh pelosok bandar kecil dan desa. Pada era 1970-an terdapat peningkatan trend penggunaan dadah dalam kalangan remaja Melayu apabila mereka mengikut budaya *Hippies* (Lua dan Samira,2012:46).

Budaya *Hippies* memperlihatkan kelakuan dan cara hidup secara bebas dengan berfoya-foya, berpelesenan, minum arak, berjudi, mengamalkan seks bebas serta menggunakan dadah bagi mencari ketenangan diri (Abdul Rani,2007). Dalam waktu yang sama, sekumpulan Tentera Amerika Syarikat yang sedang bercuti di Pulau Pinang telah memperkenalkan heroin yang dibawa dari Vietnam Selatan dan Thailand dan ini telah menyebabkan bermula masalah penagihan heroin dalam kalangan rakyat tempatan (Abdul Rani, 2007). Mazlan et al., (2006) dan Zainudin (2021) berpendapat Malaysia bukanlah negara dalam kategori negara pengeluar dadah kerana bekalan dadah diseludup masuk dari Thailand. Diantara faktor mengapa sindiket penyeludupan dadah antarabangsa menjadikan Malaysia sebagai hab transit penyeludupan dadah di rantau Asia Tenggara adalah disebabkan sistem infrastruktur dan pembangunan sistem hubungan komunikasi seperti sistem jalan raya yang baik menjadikan negara Malaysia sebagai negara transit sebelum bekalan dadah dibawa ke pasaran antarabangsa.

Pada masa yang sama, Malaysia mempunyai saiz perairan yang begitu luas memudahkan sindiket penyeludupan dadah untuk membawa masuk dadah melalui jalan laut yang bersambung hingga ke kawasan Segi Tiga Emas (Arkib Negara Malaysia,1985). Faktor sempadan Malaysia-Thailand yang diliputi hutan tebal, bergunung-ganang serta keluasan sempadan yang luas menyebabkan sindiket penyeludupan dadah mudah membawa masuk dadah ke Malaysia (Wah et al., 1996). Kerajaan Malaysia secara tegas memperlihatkan usaha membendung kegiatan penyeludupan dadah dengan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara dengan bermatlamat bagi memastikan negara Malaysia dapat membanteras secara serius sebarang bentuk jenayah yang melibatkan dadah sama ada di dalam ataupun di luar negara (Mohd Reduan Aslie, 1990).

### **Penyeludupan Dadah Serta Ancaman Terhadap Keselamatan Ekonomi**

Kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand telah menimbulkan kesan terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia disebabkan perniagaan melibatkan dadah merupakan perniagaan yang menguntungkan. Penyeludupan dadah telah menimbulkan kesan kepada keselamatan ekonomi Malaysia memandangkan penyeludupan dan pengedaran dadah merupakan sebuah perniagaan yang menghasilkan keuntungan berbilion ringgit dalam jangka masa yang singkat. Fusun (2006)



menjelaskan permasalahan aktiviti jenayah melibatkan dadah adalah berpunca daripada aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan jenayah terancang yang didalangi oleh kumpulan kongsi gelap mafia. Aktiviti penyeludupan dadah telah dikenal pasti sebagai sumber utama pendapatan kumpulan penjenayah bagi memastikan operasi kumpulan tersebut dapat berjalan dengan lancar. Manakala Thachuk (2007) menjelaskan, aktiviti penyeludupan dadah merupakan sejenis aktiviti jenayah yang mampu mengancam keselamatan negara dan antarabangsa. Walaupun hasil keuntungan yang dijana daripada aktiviti penyeludupan dadah dilihat mampu meningkatkan sumber ekonomi sesebuah negara, namun impak kemasukan dadah ke dalam sesebuah negara menjadikan sistem sosial dan masyarakat menjadi runtuh kesan daripada gejala penagihan dadah. Penulis turut memberi penerangan bahawa terdapat sesetengah sindiket penyeludupan dadah menggunakan wang hasil yang dijana daripada aktiviti penyeludupan dadah untuk digunakan membiayai aktiviti keganasan yang melibatkan aktiviti terorisme.

Hollis (2007) turut mengakui terdapat beberapa kumpulan terorisme yang menjalankan aktiviti keganasan di kawasan Asia Tenggara dengan menggunakan wang yang diperolehi hasil daripada aktiviti penyeludupan dadah. Sebagai contoh, kumpulan *Jemaah Islamiyah* yang menjalankan aktiviti penyeludupan dadah dengan mensasarkan pasaran heroin dan methamphetamine ke pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara Eropah. Hasil kewangan yang dijana daripada aktiviti haram tersebut telah digunakan untuk membeli senjata serta membiayai aktiviti terorisme yang dijalankan di rantau Asia Tenggara. Perkembangan ini amat membimbangkan situasi keselamatan negara khususnya negara-negara di Asia Tenggara.

Pada masa yang sama, Clarke (2016) berpandangan aktiviti penyeludupan dadah mampu mengganggu-gugat keselamatan sesebuah negara bukan sahaja daripada segi impak penagihan dadah tetapi dari impak menyebarkan penubuhan kumpulan terorisme yang menggunakan dadah sebagai sumber bagi penjanaan kewangan kumpulan mereka. Penyeludupan dadah turut didalangi oleh kumpulan pengganas seperti *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) yang menggunakan wang yang diperolehi hasil daripada kegiatan penyeludupan dadah di Eropah dengan sumber bekalan dadah yang dihasilkan di Afghanistan.

Sementara itu, Kim (2020) telah mengulas pengharaman dadah jenis candu di rantau Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua oleh kebanyakan kerajaan kolonial seperti British dan Perancis kerana kesan penagihan dadah yang menjadi epidemik kepada rakyat di bawah tanah jajahan seperti di Vietnam, Laos dan Malaya. Penulis menjelaskan keputusan bagi pengharaman penggunaan dadah jenis candu telah dilaksanakan di kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara akibat kesan sosial kepada rakyat seperti menjadi malas dan ketagihan hingga mampu menghancurkan sistem ekonomi dan kemasyarakatan secara menyeluruh.

### **Konsep Keselamatan Ekonomi**

Kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di Malaysia dan Thailand sentiasa berjalan tanpa ada sebarang tanda henti disebabkan segelintir pihak yang ingin membebaskan diri mereka daripada dibelenggu kemiskinan. Pada masa yang sama, faktor permintaan bekalan dadah oleh penagih tempatan telah menyebabkan berlakunya penawaran oleh pembekal dadah yang sentiasa berusaha mencari jalan membawa masuk dadah ke Malaysia.

Keselamatan ekonomi adalah perkara wajib bagi setiap individu kerana aspek tersebut menghubungkan seseorang individu terhadap keperluan asas seperti makanan, tempat perlindungan, sumber air bersih dan pendidikan. Kekuatan keselamatan ekonomi sesebuah negara dinilai daripada segi sejauh mana negara tersebut mempunyai akses kepada sumber keperluan kewangan dan pasaran dalam mengekalkan kestabilan serta menjaga kebajikan rakyat. Menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk memastikan keselamatan ekonomi negara sentiasa terpelihara dengan membina fasiliti kemudahan asas kepada rakyat dan membangunkan negara setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Buzan (1983) mentakrifkan keselamatan ekonomi sebagai kerajaan yang berupaya untuk mengekalkan sumber ekonomi secara berpanjangan melalui penghasilan produk untuk dieksport ke luar negara dan tidak terlalu bergantung kepada pihak lain untuk menjana ekonomi negara sendiri.

Williams (1997) menerangkan takrifan konsep keselamatan ekonomi sebagai negara dengan kadar kemiskinan di bawah paras minimum bagi mengelakkan ancaman keselamatan dalam negara. Faktor kemiskinan boleh menyebabkan rakyat menjadi terdesak lantas menjadikan aktiviti jenayah sebagai jalan pintas untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membebaskan diri mereka dari dibelenggu kemiskinan.

Manakala Kirshner (1998, 2006) memberikan takrifan keselamatan ekonomi sebagai kemampuan sesebuah negara untuk mengekalkan sumber kewangan dan sumber-sumber lain yang dilihat mampu menjana kekuatan ekonomi dalam sesebuah negara. Keselamatan ekonomi juga turut dikenali sebagai “kemakmuran ekonomi”. Definisi kemakmuran ekonomi dijelaskan oleh Alexander Wendt (1999) sebagai “pengekaln pengeluaran sesuatu output, hasil atau produk dalam masyarakat dengan menggunakan sumber yang wujud dalam negara”. Kebanyakan daripada sarjana Hubungan Antarabangsa beranggapan, kemakmuran ekonomi adalah berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara. Walaubagaimanapun kadar pertumbuhan ekonomi hanya boleh dianggap sebagai tanda ukur kepada selamatnya ekonomi sesebuah negara, sekiranya rakyat negara tersebut mendapat kemakmuran yang diperolehi seperti kemudahan untuk mendapatkan pekerjaan serta kadar pengangguran yang rendah.

Selepas tamat Perang Dingin, kebanyakan daripada negara-negara di dunia mula menumpukan perhatian kepada keselamatan ekonomi sebagai isu utama negara. Hal ini kerana keselamatan ekonomi sebelum ini ditolak oleh para pemikir sebagai kurang penting kerana pada pendapat mereka isu utama dunia adalah usaha mempertahankan kepentingan nasional. Walaubagaimanapun, terdapat masalah untuk menterjemahkan keselamatan ekonomi kerana hubungan antara faktor ekonomi dan faktor keselamatan adalah amat kompleks dan mempunyai implikasi yang luas dari segi hubungan antara kerajaan dan rakyat, serta hubungan antara negara-negara (Kamarulnizam, 1999). Kemasukan dadah secara berleluasa mampu mengganggu-gugat keselamatan ekonomi dalam negara. Sebagai contoh, kumpulan penjenayah telah menggunakan perniagaan penjualan dadah sebagai salah satu kaedah untuk mengawal sistem ekonomi sesebuah negara. Mereka telah menjadikan perniagaan pengedaran heroin dan kokain sebagai perniagaan komoditi utama tanpa mengira sempadan negara, hinggakn sindiket penyeludupan dadah mampu menjana keuntungan yang lumayan. Keuntungan tersebut telah digunakan bagi melengkapkan kumpulan mereka dengan persenjataan canggih untuk menjatuhkan pemerintahan sesebuah negara dan kerajaan.

Kegiatan jenayah yang berlaku dalam sesebuah negara sudah pasti memberikan kesan terhadap keselamatan ekonomi negara, terutamanya apabila terdapat peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah, sedangkan peruntukan kewangan tersebut seharusnya digunakan untuk membangunkan negara dan masyarakat (Anderson, 1999). Tambahan pula, kumpulan penjenayah yang memperolehi sumber kewangan secara haram ini tidak membayar cukai pendapatan kepada agensi percukaian kerajaan. Sebagai contoh, keuntungan aktiviti penyeludupan dadah yang dijalankan oleh Tentera Pembebasan Revolusi Nasional Colombia (FARC) bernilai jutaan dolar Amerika dan tidak membayar apa-apa cukai kepada kerajaan kerana hasil kewangan tersebut diperolehi daripada aktiviti haram yang tidak direkodkan oleh kerajaan (Harmon, 2002).

Napoleoni (2003) menegaskan perniagaan melibatkan dadah amat berkait rapat dengan aktiviti penggubahan wang haram apabila aktiviti tersebut telah dijalankan oleh kumpulan Mafia yang berasal dari Itali sejak lama dahulu sehingga modus operandi mereka dikesan pada tahun 1980-an oleh pihak berkuasa. Di Malaysia, aktiviti penggubahan wang haram masih lagi dalam keadaan terkawal. Akan tetapi, adalah tidak mustahil jika terdapat sindiket penyeludupan dadah yang beroperasi di Malaysia telah menjalankan aktiviti penggubahan wang haram melalui perniagaan sah dalam negara. Sindiket penyeludupan dadah turut menggunakan hasil keuntungan yang diperolehi daripada penjualan dadah untuk menyogok ahli politik dan pemimpin tempatan bagi melindungi aktiviti jenayah sindiket penyeludupan dadah dari sisi undang-undang (Buxton, 2006).

Decker dan Chapman (2008) serta Kan (2016) menegaskan kumpulan penjenayah di Colombia telah menggunakan faktor kemiskinan sebagai modal utama bagi mereka merekrut ahli dalam menjalankan penanaman, pemprosesan dan pengedaran dadah jenis kokain yang diseludup masuk ke Amerika Syarikat untuk memenuhi pasaran dadah tempatan. Ramai individu menjadikan kegiatan penyeludupan dadah sebagai sumber mata pencarian. Ini kerana, penyeludupan dadah telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat yang tidak mempunyai tahap pendidikan formal yang tinggi. Faktor permintaan bekalan dadah oleh penagih tempatan telah menyebabkan berlakunya penawaran oleh pembekal dadah yang sentiasa berusaha mencari jalan untuk membawa masuk dadah ke Malaysia bagi memenuhi permintaan domestik penagih dari semasa ke semasa, menyebabkan kegiatan penyeludupan dadah sentiasa berjalan tanpa ada sebarang tanda henti.

## **Perbincangan Terhadap Kesan Penyeludupan Dadah Terhadap Keselamatan Ekonomi Malaysia**

Kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand telah menimbulkan kesan terhadap keselamatan ekonomi Malaysia disebabkan perniagaan melibatkan dadah merupakan perniagaan yang menguntungkan. Zahari (2021) menegaskan penyeludupan dadah mampu menimbulkan kesan kepada keselamatan ekonomi Malaysia memandangkan penyeludupan dadah merupakan sebuah perniagaan yang menghasilkan keuntungan berbillion ringgit dalam jangka masa yang singkat. Sebagai contoh, Sheik Azhar (2021) menjelaskan harga semasa pil *Yaa Baa* di Thailand adalah RM2.50 sebiji akan dijual pada harga RM10.00 sebiji di pasaran Malaysia. Oleh demikian sindiket penyeludupan dadah mempunyai sumber kewangan tidak terhad untuk melancarkan penentangan kepada pihak berkuasa yang berhasrat memusnahkan organisasi mereka. Sumber kewangan yang diperolehi secara haram dapat digunakan sindiket penyeludupan dadah untuk melakukan kegiatan jenayah yang memberikan kesan keatas keselamatan ekonomi negara seperti:

### **Aktiviti Penggubahan Wang Haram Oleh Sindiket Penyeludupan Dadah**

Kegiatan penyeludupan dadah dari Segi Tiga Emas Thailand menimbulkan kesan terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia seperti aktiviti penggubahan wang haram oleh sindiket penyeludupan dadah. Aktiviti penggubahan wang haram merupakan sejenis aktiviti yang berkait rapat dengan sindiket penyeludupan dadah tidak hanya di Asia Tenggara malahan di peringkat antarabangsa. Salah satu isu yang mendominasi masalah kewujudan aktiviti perdagangan heroin di Asia Tenggara adalah melibatkan aktiviti penggubahan wang haram dalam kalangan kumpulan penyeludupan dadah (Chalk, 2000). Sheik Azhar (2021) mengesahkan wujudnya penglibatan sindiket penyeludupan dadah dari Thailand dalam aktiviti penggubahan wang haram bagi mengaburi pihak berkuasa di Malaysia dengan menjalankan perniagaan kedai makan dan kedai menjual produk kosmetik melalui entiti perniagaan sah berdaftar mengikut peruntukan undang-undang. Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Akta Penggubahan Wang Haram 2001 sebagai langkah pro-aktif bagi mengekang aktiviti penggubahan wang haram di Malaysia. Pun begitu, tidak dapat dipastikan secara khusus adakah aktiviti penggubahan wang haram melibatkan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa beroperasi di Malaysia kerana kebanyakan informan yang ditemubual tidak memberikan sebarang ulasan berkaitan kewujudan aktiviti tersebut Malaysia atas faktor kerahsiaan maklumat.

Akan tetapi Ridzzuan (2020) berpendapat, tidak mustahil sekiranya wujud kegiatan penggubahan wang haram yang dijalankan sindiket penyeludupan dadah kerana proses melibatkan penerimaan wang hasil jualan dadah kebiasaanya berlaku di Malaysia dan tidak dapat dielakkan. Keadaan ini menyebabkan sindiket penyeludupan dadah perlu menyimpan wang tersebut di satu tempat yang selamat. Salah satu kaedah adalah dengan melaburkan wang tersebut dalam entiti perniagaan yang sah di Malaysia. Walaubagaimanapun situasi berbeza berlaku di Thailand. Hal ini dijelaskan oleh Kanchanaklod (2021) yang menyatakan kegiatan penyeludupan dadah telah menghasilkan pengaliran wang haram ke dalam sistem institusi perbankan di Thailand. Sumber kewangan tersebut telah digunakan oleh kumpulan jenayah terancang untuk menjalankan kegiatan jenayah seperti pemerdagangan manusia, penyeludupan senjata api serta menyokong aktiviti insugensi pemberontakan bersenjata di Selatan Thailand sekaligus mengancam keselamatan negara Thailand secara tidak langsung.

### **Pembaziran Wang Negara Dan Kerugian Produktiviti Dalam Tenaga Kerja**

Pembaziran wang negara turut berlaku apabila sebahagian besar peruntukan kewangan telah digunakan untuk pengendalian kos rawatan pemulihan bagi penagih dadah. Aspek rawatan dan pemulihan penagih dadah di Malaysia telah dikendalikan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) selaras dengan penubuhan Dasar Dadah Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sejak 2004 bagi memastikan Malaysia sebagai negara bebas dari ancaman dadah pada tahun 2015 (Amin et al. 2015). Oleh yang demikian pihak AADK telah ditugaskan untuk memberi perkhidmatan rawatan kepada penagih, pengguna dadah secara sukarela dan bukan sukarela. Mizan Adiliah et al. (2019) menjelaskan klien secara sukarela akan mendapatkan rawatan pemulihan di Klinik *Cure & Care* dalam tempoh enam hingga 24 bulan secara tanpa paksaan di bawah Seksyen 8 (3) (a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, manakala bagi klien bukan sukarela mereka dikehendaki menjalani rawatan pemulihan atas perintah mahkamah

dibawah peruntukan Seksyen 6 (1) (a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi menjalani rawatan pemulihan selama 24 bulan.

Dari aspek rawatan dan pemulihan dadah, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan peruntukan kewangan bagi menjalankan proses rehabilitasi rawatan pemulihan terhadap penagih dadah yang telah dijangkiti penyakit AIDS. Kos untuk menjalankan proses rawatan pemulihan kepada golongan penagih dadah di Malaysia amat tinggi. Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan RM 15,000 bagi menjalankan proses rawatan seorang penagih dadah yang telah dijangkiti penyakit AIDS dan Hepatitis C (Rusdi et al.,2008). Mengambil kira faktor ketidakmampuan penagih tersebut untuk membayar kos rawatan dan pemulihan, menyebabkan pihak kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan tersebut. Faktor kerugian ekonomi turut melibatkan penurunan kadar produktiviti dalam sektor pekerjaan dihadapi oleh kerajaan akibat daripada masalah jenayah melibatkan dadah. Zainudin (2021) dan Jamal et al. (2009) menyatakan kejadian jenayah telah menyebabkan aliran peruntukan sumber-sumber produk dan aktiviti yang tidak menyumbang kepada perkembangan ekonomi masyarakat kerana seharusnya sumber masa dan wang boleh digunakan kerajaan untuk kegunaan aktiviti ekonomi.

Selain itu individu yang dipenjarakan akibat kesalahan jenayah tidak boleh bekerja dengan produktif sekaligus menyebabkan masyarakat berhadapan dengan kerugian produktiviti pekerja. Individu yang terjebak dengan ketagihan dadah seringkali hilang tumpuan terhadap kerja serta produktiviti dalam kehidupan. Aktiviti penyeludupan dadah turut mengancam kestabilan ekonomi negara Malaysia hingga menyebabkan negara menghadapi masalah tersebut dalam jangka masa yang panjang akibat daripada jenayah melibatkan dadah. Menurut Buxton (2006) nilai ataupun harga yang harus dibayar oleh negara bagi menjalankan penguatkuasaan menyekat aktiviti penyeludupan dadah adalah tinggi dengan membelanjakan peruntukan kewangan yang besar untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan seperti latihan pencegahan anti-dadah dalam usaha meningkatkan kecekapan pasukan Polis, Kastam, Jabatan Penjara dan badan perundangan yang dilantik oleh kerajaan.

Joy (2020) berpendapat aktiviti penyeludupan dadah menyebabkan kerugian berbillion ringgit akibat pelarian cukai hasil kewangan yang dijana daripada penjualan dadah. Hal ini berikutan aktiviti haram tidak berdaftar menyebabkan cukai kewangan tidak dapat dikutip dari entiti perniagaan tidak sah. Kerajaan Malaysia telah menggunakan peruntukan berbilion ringgit bagi menjalankan operasi pencegahan anti-dadah di Malaysia sejak awal tahun 1980-an melibatkan usaha-usaha penguatkuasaan dan pencegahan anti-dadah (Abdul Ghafar Taib, 1989). Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM juga terpaksa mengeluarkan sejumlah peruntukan kewangan yang besar bagi melengkapkan kekuatan pasukan dengan sistem persenjataan yang moden serta canggih di dalam membanteras aktiviti penyeludupan dadah di Malaysia. Mohamad Safwan (2020) menjelaskan peruntukan kewangan perlu dikeluarkan oleh pihak kerajaan berikutan alat pengintipan terkini diimport dari Amerika Syarikat serta penggunaan *drone* berteknologi tinggi bagi mengawasi keselamatan sempadan negara daripada terus dicerobohi oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand. Ini merupakan inisiatif pihak PDRM bagi menjalankan operasi pencegahan anti-dadah secara bersepadu yang memerlukan peruntukan kewangan besar untuk menampung kos pembelian peralatan yang tinggi.

## Kesimpulan

Dari sudut keselamatan ekonomi, kegiatan penyeludupan dadah telah menyebabkan berlakunya aktiviti pengubahan wang haram oleh sindiket penyeludupan dadah, pembaziran wang negara dan kerugian produktiviti dalam tenaga kerja. Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia terpaksa membelanjakan peruntukan kewangan yang besar bagi menangani masalah melibatkan dadah seperti program rawatan dan pemulihan penagih dadah. Juga aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan dalam membanteras isu dadah di Malaysia. Keadaan ini mampu mengganggu-gugat dan memberikan kesan buruk terhadap kedudukan kewangan dan ekonomi negara Malaysia untuk jangka masa panjang. Usaha pencegahan jenayah melibatkan dadah tidak semata-mata difokuskan diperingkat antarabangsa tetapi turut dilaksanakan dalam negara.

Sejak tahun 1983, Kerajaan Malaysia telah mempertanggungjawabkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk melaksanakan Kempen Pencegahan Anti Dadah sebagai usaha memberikan kesedaran dan memupuk pengetahuan kepada masyarakat Malaysia tentang kebinasaan yang dihasilkan oleh dadah terhadap keselamatan negara Malaysia. Kempen Pencegahan Anti Dadah telah dilaksanakan secara berkala setiap tahun melibatkan penyertaan dari agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan dan pengajian tinggi serta badan bukan kerajaan. Pelaksanaan Kempen Anti Dadah sekurang-kurangnya dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam menangani masalah jenayah melibatkan dadah di Malaysia. Kerajaan Malaysia melalui penglibatan pasukan keselamatan seperti Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, Rejimen Sempadan serta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dalam menjaga keselamatan sempadan negara daripada terus dicerobohi kemasukan dadah oleh sindiket penyeludupan dadah antarabangsa.

Kerajaan Malaysia perlu melihat secara menyeluruh keadaan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand yang turut menjadi salah satu sebab kemasukan dadah dari luar negara. Faktor geografi sempadan serta isu keperluan logistik oleh agensi penguatkuasaan adalah perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam memastikan operasi pembanterasannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Aktiviti penyeludupan dadah dilihat sebagai perlakuan yang tidak menghormati kedaulatan negara apabila sindiket penyeludupan dadah telah menceroboh masuk sempadan negara secara haram. Pencerobahan sempadan negara yang berdaulat diklasifikasikan sebagai perlakuan tidak menghormati kedaulatan negara. Tindakan ini boleh mencetuskan kekeruhan daripada segi hubungan diplomatik antara Malaysia dan Thailand kerana sindiket penyeludupan dadah telah dijalankan oleh individu melibatkan rakyat kedua-dua negara. Jika terjadi sesuatu insiden boleh menyebabkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara menjadi tegang.

Salah satu daripada usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah dadah di Malaysia adalah dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Pasukan Petugas Khas Antidadah Kebangsaan yang dipertanggungjawabkan dibawah Majlis Keselamatan Negara (Abdul Ghafar Taib, 1989:92). Jawatankuasa Khas Antidadah ini berperanan dalam mengkoordinasi dan menyelaraskan agensi penguatkuasaan, badan perundangan, kementerian-kementerian serta badan bukan kerajaan dalam menjalankan program pembanterasannya dan pencegahan dadah dalam negara secara besar-besaran. Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Dasar dan Strategi antidadah Negara yang berperanan dalam melaksanakan objektif pencegahan kegiatan jenayah melibatkan dadah dengan memfokuskan dua agenda utama; pertama, pengurangan bekalan dadah yang berteraskan pelaksanaan dari sudut pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang melibatkan pembanterasannya aktiviti penyeludupan dadah dari luar negara ke Malaysia. Strategi pengurangan bekalan dadah menekankan kepada usaha kerajaan menjalankan langkah penguatkuasaan bagi mencegah kemasukan dadah melalui pintu-pintu masuk utama sempadan serta melalui laluan haram. Kedua, pengurangan permintaan bekalan dengan matlamat utama mengurangkan permintaan bekalan dadah oleh penagih tempatan melalui pelaksanaan program pencegahan, rawatan dan pemulihan penagih dadah dalam negara.

Strategi pengurangan permintaan bekalan ini memfokuskan langkah mencegah penularan kegiatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat melibatkan proses rawatan dan bimbingan kaunseling penagih di Pusat Pemulihan Narkotik (Scorzelli, 1987:90-102). Strategi ini juga turut menekankan program-program Pendidikan Pencegahan dan Penerangan Dadah kepada masyarakat dengan bermatlamat memberikan kesedaran dan pendidikan awal berkaitan bahayanya dadah kepada negara (Mohd Reduan Aslie, 1990:219-222, Abd. Halim dan Muzafar, 2010: 29-34). Malaysia turut komited dalam usaha mengatasi kegiatan penyeludupan dadah melalui kerjasama diperingkat antarabangsa. Penglibatan kerjasama Kerajaan Malaysia dalam menangani isu penyeludupan dadah dizahirkan dengan kerjasama organisasi anti-dadah antarabangsa seperti *The United Nations Office on Drug and Crime* (UNODC), Pertubuhan Kastam Antarabangsa, Pertubuhan Polis Antarabangsa (INTERPOL) dan Lembaga Kawalan Narkotik Antarabangsa (Zarina Othman et al., 2015:63). Tambahan pula, komitmen yang serius diberikan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani isu dadah di Malaysia melalui pengenalan Dasar Dadah Kebangsaan pada tahun 2004 bertujuan mewujudkan sebuah negara bebas dari ancaman dadah menjelang tahun 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat, mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional (Mizan Adiliah, 2019:1). Namun begitu, kemasukan dadah dari luar negara masih lagi berlaku dan tetap menjadi ancaman ketara dan berterusan terhadap keselamatan dalam negara Malaysia.

Oleh yang demikian, langkah pencegahan haruslah dimulakan daripada peringkat awal lagi. Rakyat Malaysia perlu berganding bahu dalam menangani masalah penyeludupan dadah dengan memperkasakan institusi kekeluargaan dan pendidikan sebagai usaha menghapuskan kemasukan dadah ke Malaysia. Pemantauan ibu bapa terhadap anak-anak melalui didikan bahayanya dadah adalah satu tanggungjawab penting terhadap golongan remaja dan belia agar tidak terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah. Kemasukan dadah dari Thailand ke Malaysia tidak akan ada penamatnya selagi terdapat permintaan serta penawaran dadah oleh penagih dan penyeludup dadah. Keadaan ini boleh diubah sekiranya generasi muda pada hari ini tidak memilih dadah sebagai cara hidup.

## Penghargaan

Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis Dato' Razarudin bin Husain, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia Bukit Aman di atas kelulusan yang diberikan bagi menjalankan proses temubual bagi kutipan data kajian.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Taib. (1988). *Dadah: Strategi dan kawalan di sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Taib. (1989). *Dadah dan pencegahannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pam Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Mohd Hussin & Muhammad Muzafar Shah Mohd Razali. (2010). *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah: Isu Dan Prinsip-Prinsip Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdul Rani Kamarudin. (2007). "The misuse of drugs in Malaysia: past and present", *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, Vol. 1, Issue 1, 1-24.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia. (2021). Statistik bilangan penagih dadah dikesan pihak AADK Per Individu bagi tahun 2016-2020. Diakses dari <https://www.adk.gov.my/hari-antidadah-kebangsaan-2021>.
- Amin Al Haadi Shafie et al. (2015). Pengesanan Bekas Peserta Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan di Klinik Cure and Care 1 Malaysia. *International Drug Prevention and Rehabilitation Conference* (Prevent 2015)-Pre15-07: 60-70.
- Andaya, L. Y. (1975). *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Anderson, D. A. (1999). The aggregate burden of crime. *The Journal of Law and Economics*, 42(2), 611-642.
- Arkib Negara Malaysia (1985). *Kedudukan Masalah Dadah di Malaysia*. No. Penerimaan: 2005/0016389. No. Fail: 2007/01767.
- Barbour, R. (2008). *Introducing Qualitative Research*. Sage Publication.
- Barriball, K. L., & While, A. (1994). Collecting data using a semi-structured interview: a discussion paper. *Journal of Advanced Nursing-Institutional Subscription*, 19(2), 328-335.
- Berg, B. L. (2004). *Qualitative research method for social sciences*. Pearson Limited.
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods*. Oxford University Press.
- Buhrich, N & Haq, S. (1980). Profile of Narcotic Abuse in Peninsula Malaysia. *American Journal of Drug Alcohol Abuse*, 01, Vol.7, Issue 2, 211-217.

- Buxton, J. (2006). *The Political Economy Narcotics: Production, Consumption and Global Markets*. New York: Fernwood Publishing.
- Buzan, B. (1983). *People, State, and Fear*. United Kingdom: Harvester Wheatsheaf.
- Chalk, P. (2000). Southeast Asia and the Golden Triangle's heroin trade: Threat and response. *Studies in Conflict & Terrorism*, 23(2), 89-106.
- Chin, K.L & Zhang, S.X. (2015). *The Chinese Heroin Trade: Cross-Border Drug Trafficking in Southeast Asia and Beyond*. New York: New York University Press.
- Chouvy, P. A. (2010). *Opium: uncovering the politics of the poppy*. United States: Harvard University Press.
- Clarke, C. P. (2016). Drugs and Thugs: Funding Terrorism through Narcotics Trafficking. *Journal of Strategic Security*. No. 3, Vol. 9, 8-12.
- Cornell, S. E. "Drug Smuggling in Central Eurasia." Dalam Thachuk, K.L. (2007). *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs, and Human Life*. New York: Praeger Security International, 2007, hlm. 94.
- Cox, C. R. (1996). *Chasing the Dragon: Into the Heart of the Golden Triangle*. New York: Henry Holt Inc.
- Decker, S. H. & Chapman, M.T. (2008). *Drug Smugglers on Drug Smuggling: Lessons from the Inside*. United States: Temple University Press.
- Derks, H. (2012). *History of the Opium Problem*. Netherlands: Brill.
- Flick, U. (2006). *An introduction to Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Fusun, S. A. (2006). Transnational Organized Crime and Trafficking of Human Beings, Dalam Freilich, J. D. & Guerette, R. T. *Migration, Culture Conflict, Crime and Terrorism*. London: Ashgate Publishing Limited.
- Gibson, R. M. & Wenhua, C. (2011). *The Secret Army: Chiang Kai-shek and the Drug Warlords of the Golden Triangle*. London: John Wiley and Sons.
- Harmon, C. (2002). *Terrorism Today*. New York: Frank Class Publication.
- Hollis (2007). Narcoterrorism: A Definitional and Operational Transnational Challenge, Dalam Thachuk, K. L. (2007). *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs and Human Life*. New York: Praeger Security International.
- Jamal Ali, Sallahuddin Hassan & Noor Al Huda Abdul Karim. (2009). Kos ekonomi penyalahgunaan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 6(5), 107-121.
- Joy Beh Siau Fang. 2020. Pegawai Risik Markas Ke-30 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 14 Disember.
- Kamarulnizam Abdullah. (1999). Agenda Baru Keselamatan Di Era Pasca Perang Dingin? *Jurnal Kinabalu*. Vol. 1, Jilid 1, 152-176.
- Kan, P. R. (2016). *Drug trafficking and international security*. London: Rowman & Littlefield.
- Kanchanaklod, Sukrit. 2021. Timbalan Pegawai Memerintah Rejimen Pasukan Khas Renjer ke-49 Pasukan Petugas Khas Wilayah Narathiwat, Pemerintahan Operasi Keselamatan Dalam Negeri Keempat, Tentera Darat Diraja Thailand. *Temubual*, 8 Mei.
- Kim, D. S. (2020). *Empires of Vice: The Rise of Opium Prohibition Across Southeast Asia*. United States: Princeton University Press.

- Kirshner, J. (1998). Political economy in security studies after the Cold War. *Review of International Political Economy*, 5(1), 64-91.
- Kirshner, J. (Ed.). (2006). *Globalisation and national security*. New York: Taylor & Francis.
- Lim Teck Ghee. (1974). *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1971*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lintner, B. (2000). The Golden Triangle Opium Trade: An Overview. *Asia Pacific Media Services*, 12, p. 1-30.
- Lua P. L. & Nor Samira Talib. (2012). *Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Marimuthu, J., & Nair, S. (2020). Candu dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan terhadap kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911– 1940. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 29(1).
- Mazlan, M., Schottenfeld, R. S., & Chawarski, M. C. (2006). Asia Pacific Column: New challenges and opportunities in managing substance abuse in Malaysia. *Drug and Alcohol Review*, 25(5), 473- 478.
- Mc Coy, A. W. (1991). *The Politics of Heroin: CIA complicity in the global drug trade*. United States: Lawrence Hill Books.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2019). *Kecenderungan Kekal Pulih: Perbandingan diantara Klien Sukarela dan Klien Bukan Sukarela*. Kajian Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Mohd Ridzuan Mohd Zain. 2020. Timbalan Ketua Pengarah Ibu pejabat Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Putrajaya. *Temubual*, 28 Oktober.
- Mohamad Safwan Sharif. 2020. Unit Risikan dan Operasi, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Negeri Perlis. *Temubual*, 15 Disember.
- Mohd Reduan Aslie. (1990). *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Muthiah, P. (2008). *Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques*. Universiti Utara Malaysia Press.
- Napoleoni, L. (2003). *Modern jihad: tracing the dollars behind the terror networks*. London: Pluto Press.
- Philip L.F.S. (1969). *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pierce, R. (2008). *Research Methods in Politics: A practical guide*. Sage Publications.
- Rusdi, A. et al. (2008). A fifty-year challenge in managing drug addiction in Malaysia. *Journal of University of Malaya Medical Centre (JUMMEC)*, 11(1), 3-6.
- Sabhasri, S. (1978). Opium Culture in Northern Thailand: Social and Ecological Dilemmas, Dalam Kunstadter, P. et al. *Farmers in the Forest*. Hawaii: University of Hawaii Press.
- Sarina Mohamed. (2012). *Drug Abuse and Huma Rights: Cases and Commentaries*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Schebesta, P. (1973). *Among the Forest Dwarfs of Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Scorzelli, J. (1987). *Drug Abuse, Prevention and Rehabilitation in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Sen, S. (1991). Heroin trafficking in the Golden Triangle. *The Police Journal*, 64(3), 241-248.
- Sheik Azhar Sheik Omar. 2021. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. *Temubual*, 27 Januari.
- Sinn, D., & Soares, N. (2014). Historians' use of digital archival collections: The web, historical scholarship, and archival research. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 65(9), 1794-1809.
- Spencer, C. P. & Navaratnam, V. (1981). *Drug Abuse in East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thachuk, K.L. (2007). *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs and Human Life*. London: Praeger Security International.
- Tregonning, K. G. (1964). *A History of Modern Malaya*. Singapore: Eastern Universities Press Limited.
- Tregonning, K. G. (1967). *Home Port Singapore: A History of Straits Steamship Company Limited 1890-1965*. Singapore: Oxford University Press.
- Wah, Y.L, et al. (1996). The drug abuse problem in Peninsular Malaysia: parent and child differences in knowledge, attitudes and perceptions. *Drug and Alcohol Dependence*, Vol. 42, Issue 1, home. 105- 115.
- Wan Azmi Ramli. (1986). *Selangkar Ke Kubur*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wiant, J. A. (1985). Narcotics in the Golden Triangle. *The Washington Quarterly*, 8(4), 125-140.
- Williams, P. (1997). Transnational Criminal Organisations and International Security, Dalam Arquilla, J. & Ronfeldt, D. (ed.) *In Athena's Camp*. California: RAND Corporation.
- Wendt, A. (1999). *Social Theory of International Politics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Zahari Abu Samah. 2021. Penolong Pengarah Narkotik (Teknikal/Analisis) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia. *Temubual*, 6 Januari.
- Zainudin Ahmad. 2021. Timbalan Pengarah Narkotik (Risikan/Operasi), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia. *Temubual*, 6 Januari.
- Zarina Othman et al., (2015). Penyalahgunaan Dadah Sebagai Ancaman Keselamatan: Analisis Keberkesanan Program Kerajaan Dalam Mengekang Pengrekrutan Penagih Dadah di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 60-71.